



GARIS PANDUAN DANA PERSIDANGAN FAKULTI UNDANG-UNDANG

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

1.0 LATAR BELAKANG

Garis Panduan Dana Persidangan Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia ini adalah sebagai salah satu usaha Fakulti untuk memberi peluang kepada ahli akademik Fakulti untuk menyertai persidangan di dalam dan luar negara dalam meningkatkan kemahiran berdasarkan kepakaran masing-masing.

2.0 TERMINOLOGI

- i. Persidangan termasuklah seminar, kongres, simposium, konvensyen, forum, kolokium, wacana, ceramah, muzakarah dan bengkel;
- ii. Sistem eMohon Aktiviti Rasmi (eAktiviti) ialah sistem permohonan menghadiri aktiviti rasmi/bengkel/kursus/seminar/persidangan di dalam dan luar negara;
- iii. DENGAN BIAYA FAKULTI ialah permohonan yang diluluskan sama ada sepenuhnya atau sebahagian dalam Mesyuarat Kedekanan FUU meliputi yuran persidangan, elaun makan, elaun penginapan dan elaun perjalanan (tiket pengangkutan udara kelas ekonomi sahaja atau darat sahaja). Kos pakaian panas, passport, insurans dan VISA tidak dibiayai;
- iv. Semua aktiviti berkaitan boleh dilakukan secara bersemuka atau atas talian.

3.0 TANGGUNGJAWAB MESYUARAT KEDEKATAN

- i. Menimbang dan meluluskan permohonan pembiayaan untuk menghadiri persidangan dalam negara dan luar negara selaras dengan dasar dan peraturan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa;
- ii. Memantau dan menerima laporan tamat dana dan laporan kewangan yang lengkap menghadiri persidangan.

4.0 SYARAT-SYARAT UMUM PERMOHONAN

Ahli akademik yang memenuhi syarat-syarat berikut layak dipertimbangkan:

- (a) Kakitangan bertaraf tetap dan telah / belum disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) Kakitangan bertaraf sementara / kontrak adalah tertakluk kepada pertimbangan Mesyuarat Kedekanan FUU;
- (c) Permohonan menghadiri persidangan hendaklah disampaikan kepada urus setia melalui Sistem eMohon Aktiviti Rasmi (menggunakan peruntukan FUU1) dalam tempoh 8 minggu (luar negara) dan 5 minggu (dalam negara) sebelum tarikh persidangan bermula;
- (d) Permohonan yang diterima lewat seperti perkara 4.0(c) atau permohonan yang diterima selepas dari tarikh persidangan dijalankan TIDAK AKAN DIBIAYAI;

- (e) Kekerapan dan jumlah maksimum untuk menghadiri persidangan di dalam negara dan luar negara DENGAN BIAYA FAKULTI adalah seperti berikut:

BIL.	JENIS	DALAM NEGARA	LUAR NEGARA
1.	Persidangan	RM2,000.00/orang	RM3,000.00/orang

- (f) Kehadiran ke Mesyuarat Fakulti Undang-Undang akan turut diambil kira sebagai salah satu syarat bagi pertimbangan kelulusan permohonan kakitangan akademik untuk menghadiri persidangan DENGAN BIAYA FAKULTI. Pemohon perlu hadir sekurang-kurangnya **8 kali** Mesyuarat Fakulti Undang-Undang dalam tempoh setahun;
- (g) Permohonan hanya terpakai kepada peranan **SEBAGAI PEMBENTANG** sahaja;
- (h) Pemohon mestilah mempunyai penerbitan **lima (5) artikel berindeks** dua daripadanya SCOPUS/WoS dalam tempoh dua (2) tahun terkini dari tahun permohonan sebagai pengarang utama atau koresponden ATAU kesetaraan melalui penerbitan sekurang-kurangnya satu (1) kertas polisi oleh agensi kerajaan atau badan berkaitan;
- (i) Semua permohonan hendaklah:-
- Mendapat perakuan Ketua Pusat;
 - Menyertakan brosur, surat jemputan (jika ada) dan lain-lain dokumen;
 - Semua proses permohonan berkaitan dengan bayaran pendahuluan, pendaftaran dengan pihak penganjur, Sistem e-Mohon Aktiviti Rasmi, tempahan tiket kapal terbang, tuntutan belanja perjalanan dan sebagainya perlu dilakukan sendiri oleh pemohon;
 - Pendahuluan diri dan tuntutan belanja perjalanan – Rujuk Zon Kewangan 2;
 - Tempahan tiket kapal terbang – rujuk Sistem e-Tiket. Untuk menggalakkan perbelanjaan berhemah kakitangan digalakkan membeli sendiri tiket penerbangan termurah dan membuat tuntutan semula kepada pihak Zon Kewangan 2;
 - Sebarang kos menaiktaraf tiket kapal terbang ke kelas perniagaan atau kelas pertama adalah ditanggung oleh pemohon sendiri. Hanya pembuktian transaksi dalam bentuk kelas ekonomi diterima oleh Jabatan Bendahari.
 - Pemohon yang diberi kelulusan DENGAN BIAYA FAKULTI tetapi tidak hadir, dikehendaki mengemukakan penjelasan bertulis kepada urus setia melalui Ketua Pusat dalam tempoh 14 hari. Kegagalan mengemukakan penjelasan yang munasabah, boleh menyebabkan permohonan baru tidak akan dipertimbangkan (sekiranya pemohon telah menerima pendahuluan diri, pemohon dikehendaki untuk memulangkan semula kepada bendahari);

- viii. Pemohon mesti membuat laporan tamat dana dan laporan kewangan dalam tempoh 3 bulan selepas tarikh persidangan;

5.0 SYARAT-SYARAT KHAS MENGHADIRI PERSIDANGAN DENGAN BIAYA FAKULTI

Bil.	Syarat-Syarat	Lokasi Persidangan	
		Dalam Negara	Luar Negara
1.	Tempoh Kelayakan	Sekali dalam setahun	Sekali dalam setahun
2.	Pembiayaan	2.1 Pembiayaan fakulti i) Had maksimum pembiayaan adalah sebanyak RM2,000.00* seorang dalam tempoh satu (1) tahun sahaja. Pembiayaan sepanjang persidangan termasuk:- - Yuran penyertaan - Elaun Makan (terhad 3 hari sahaja) - Elaun Penginapan (terhad 2 malam sahaja) - Elaun Pengangkutan - Lain-lain keperluan yang diluluskan Mesyuarat Kedekanan ii) Pemohon perlu mengisi Borang Menghadiri Persidangan https://tinyurl.com/BorangPermohonanDana dan menghantar kepada urusetia borang yang lengkap beserta Kertas Cadangan ringkas (Ringkasan Eksekutif, Bajet belanjawan, Perancangan Aktiviti) empat (4) minggu sebelum tarikh persidangan; iii) Bagi menghadiri persidangan di sekitar Lembah Klang, hanya yuran penyertaan sahaja dibiayai. *Tertakluk kepada kelulusan Mesyuarat Kedekanan *Segala urusan berkaitan kewangan sepanjang tempoh ini adalah tertakluk kepada pekeliling	2.1 Pembiayaan fakulti i) Had maksimum pembiayaan adalah sebanyak RM3,000.00* seorang dalam tempoh satu (1) tahun sahaja. Pembiayaan sepanjang persidangan termasuk:- - Yuran penyertaan - Elaun Makan (terhad 4 hari sahaja) - Elaun Penginapan (terhad 3 malam sahaja) - Elaun Pengangkutan - Lain-lain keperluan yang diluluskan Mesyuarat Kedekanan ii) Pemohon perlu mengisi Borang Menghadiri Persidangan https://tinyurl.com/BorangPermohonanDana dan menghantar kepada urusetia borang yang lengkap beserta kertas Cadangan ringkas (Ringkasan Eksekutif, Bajet belanjawan, Perancangan Aktiviti) dua (2) bulan sebelum tarikh persidangan; *Tertakluk kepada kelulusan Mesyuarat Kedekanan *Segala urusan berkaitan kewangan sepanjang tempoh ini adalah tertakluk kepada pekeliling Bendahari UKM yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

		Bendahari UKM yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.	
3.	Kelayakan	3.1 Pemohon mestilah mempunyai penerbitan lima (5) artikel berindeks dua daripadanya SCOPUS/WoS dalam tempoh dua (2) tahun terkini dari tahun permohonan sebagai pengarang utama atau koresponden ATAU kesetaraan melalui penerbitan sekurang-kurangnya satu (1) kertas polisi oleh agensi kerajaan atau badan berkaitan; 3.2 Hanya sekali permohonan sahaja dibenarkan bagi Dana Persidangan ini;	
4.	Peranan pemohon	4.1 Sebelum: i) Mengisi dan mengemukakan Borang Menghadiri Persidangan https://forms.gle/GUt7izod6Bdt9cb19 beserta kertas cadangan kepada urusetia mengikut format yang telah ditetapkan; ii) Mengisi maklumat di dalam Sistem eAktiviti. 4.2 Semasa i) Pemohon menghadiri dan membentangkan Kertas Kerja dalam persidangan. 4.3 Selepas i) Menyediakan dan menyerahkan laporan tamat dana dan laporan kewangan yang lengkap dan perlu dikemukakan kepada urusetia dalam tempoh 3 bulan selepas tarikh persidangan; ii) Mendaftarkan bahan daripada persidangan ke dalam Sistem e-ReP; iii) Menerbitkan satu jurnal berindeks MyCite/SCOPUS/WoS/ESCI (persidangan dalam negara) dan, Menerbitkan satu jurnal berindeks MyCite/SCOPUS/WoS/ESCI dan menghantar satu jurnal berindeks Q1/Q2 (persidangan luar negara) iv) Pihak fakulti boleh mengambil tindakan yang sewajarnya sekiranya pemohon tidak memenuhi perkara 4.3 (i)(iii).	

7.0 HAL-HAL LAIN

7.1 Ahli akademik yang memohon dana adalah tertakluk kepada Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib & Surcaj) 2000 [Akta 605] sepanjang tempoh permohonan;

7.2 Fakulti tidak menanggung apa-apa pembiayaan kepada ahli keluarga pemohon.

Dikemaskini oleh : **Pejabat Timbalan Dekan (Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi)
Fakulti Undang-Undang
Universiti Kebangsaan Malaysia**

Tarikh Kemas kini : **04/08/2025**